

Tiada potongan bayaran Petronas kepada kerajaan, kata Najib
Malaysian Insider
Mac 28, 2013
Oleh Ida Lim

KUALA LUMPUR, 28 Mac — Petronas dilihat akan terus membayar dividen tahunannya kepada kerajaan walaupun syarikat petroleum negara itu mencatatkan penurunan dividen kepada RM27 bilion ekoran keuntungan yang rendah tahun lalu. Petronas adalah pembayar cukai terbesar di Malaysia dan dianggap seperti “tabung duit” kerajaan, dilaporkan sebagai pembiaya ketiga dalam bajet kerajaan walaupun negara mempunyai jumlah hutang yang besar.

Dalam satu temuramah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak (gambar) berkata beliau mahu meningkatkan pendapatan negara, namun tidak menyatakan sama ada akan berlakunya perubahan bayaran RM30 bilion Petronas kepada kerajaan sejak empat tahun lalu.

“Ia adalah keseimbangan antara membiarkan keuntungan yang mencukupi untuk Petronas supaya boleh meneruskan pelaburannya, dan pelaburan semula, kerana sesetengah peralatan mereka perlu diganti kerana sudah berusia.

“Jadi kami perlu memastikan kedudukan kewangan Petronas kukuh tapi pada masa sama terus memberikan jumlah yang munaabah kepada kerajaan,” kata Najib kepada Financial Times dalam satu laporan semalam.

Namun kemungkinan akan berlakunya perubahan pada masa hadapan, apabila Najib berkata: “Kami agak gembira dengan kedudukan seperti ini namun apa yang akan berlaku perlu diambil dalam konteks yang jauh lebih besar daripada keseluruhan (pendapatan) ... dalam jangkaan kerajaan.”

Akhbar berkenaan berkata Petronas dilihat sedang cuba untuk menurunkan kadar dividen bagi membolehkan lebih banyak dana untuk keperluan perbelanjaan modal kerana kos operasi yang semakin meningkat.

Awal bulan ini ahli lembaga pngarah Petronas dilaporkan mencadangkan untuk membayar sejumlah RM27 bilion bagi tahun kewangan 2012, jumlah yang perlu diluluskan oleh kerajaan — satu-satunya pemegang saham — ketika AGM firma tersebut.

Pada 7 Mac, CEO Petronas, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas, berkata firma minyak itu akan berbincang dengan kerajaan berkenaan pembayaran dividennya.

“Kami akan duduk berbincang penghujung bulan ini. Kami akan cuba selesaikannya,” katanya dipetik Business Times.

Bloomberg juga sebelum itu melaporkan Shamsul pada September lalu telah berkata firma itu perlu menukar mdl pembayaran sedia ada sebanyak RM30 biliom bayaran tahunan kepada Putrajaya kepada 30 peratus daripada keuntungannya.

The Financial Times semalam melaporkan Barisan Nasional (BN) yang diketuai Najib dilihat telah membelajarkan sebegitu banyak dana menjelang PRU13, dengan memberikan bantuan kewangan terus kepada kumpulan pengundi berbilang kumpulan seperti mereka

yang berpendapatan rendah, pekerja ladang yang miskin, kakitangan awam, dan juga pemandu teksi.

Akhbar itu bagaimanapun tuut berkata seteru BN, Pakatan Rakyat (PR) akan membelanjakan lebih banyak sekiranya memiliki kuasa, dengan janji pembangkang tersebut untuk membrikan pendidikan percuma, harga bahan api yang murah dan memansuhkan tol.

FT menjelaskan Malaysia mempunyai kadar hutang yang tinggi di Asia, dengan perbandingan hutang kepada GDP sebanyak 51 peratus, memetik laporan Su Sian Lim daripada HSBC.

Su turut menjelaskan hutang kerajaan berkemungkinan bakal mencecah 55 peratus tahun ini jika tiada langkah pencegahan dilakukan, namun turut melihat Najib begitu komited untuk mengurangkan hutang kepada 50 peratus dan 3 peratus bajet defisit menjelang 2015.

"Berdasarkan anggaran kami sekiranya tiada pembaharuan dibuat, hutang akan mncecah 55 peratus tahun ini — perbelanjaan modal kerajaan ... oleh yang demikian perdana menteri juga dilihat komited untuk menurunkan defisit kepada 3 peratus dan hutang awam berbanding GDP kepada 50 peratus menjelang 2015," katanya.

"Jangkaan ini akan dicapaimelalui perbelanjaan dan reformasi pendapatan, dengan pemotongan subsidi (trutamanya untuk minyak) seawal mungkin tahun ini dan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kemudiannya."

Najib sebelum ini berjanji untuk menyeimbangkan bajet menjelang 2020 daripada empat pertaus berbanding GDP tahun lalu, namun juga terus menjanjikan lebih banyak pemberian wang tunai secara terus kepada rakyat Malaysia, serta menghentikan rancangan untuk menurunkan kadar subsidi dan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmata (GST).

Beberapa hari sebelum ini juga, pakar ekonomi yang ditemui Bloomberg turut melihatkan bajet defisit Malaysia akan terus tegang tanpa mengira siapa yang memenangi pilihan raya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-potongan-bayaran-petronas-kepada-kerajaan-kata-najib/>